

# KEDUTAAN REPUBLIK ISLAM IRAN SUMBANG 700 SUNGKUP MUKA

KIARONG, Rabu, 10 November. - menyumbang sejumlah 700 sungkup muka (face mask) kepada Jiwaku Ikhlas Edisi Ke-7,

yang diadakan di Kedutaan Republik Islam Iran di NBD, di Jalan Dato Ratna, Kampung Kiarong.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki kepada Pengasas dan Pengarah Kris Karmila Kreations Co., Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar atau lebih dikenali sebagai Kris Karmila.

Terdahulu, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki, dalam ucapannya berkata, sumbangan tersebut adalah usaha pihak kedutaan ke arah kerjasama secara menyeluruh untuk membantu memerangi penularan COVID-19 yang sedang melanda negara ini.

Tambah Puan Yang Terutama, ia juga sebagai menyokong budaya beramal kebajikan, sekali gus membantu orang lain.

PYT, seterusnya mengongsikan,



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam (kanan) menyerahkan sejumlah 700 sungkup muka kepada Pengasas dan Pengarah Kris Karmila Kreations Co., Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar (kiri).

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Republik Islam Iran merupakan antara empat negara teratas, di dunia dalam bidang nanoteknologi.

Semasa tindak balas global terhadap wabak coronavirus, syarikat Islam Iran membantu mengeksport produk sungkup

muka, iaitu nano-mask ke negara lain.

Justeru, sumbangan nano-mask yang dipilih hari ini juga adalah bersempena Hari Sains Sedunia (The World Science Day) untuk keamanan dan pembangunan 2021.

**Adakah saya perlu mendapatkan ujian swab setelah saya sembuh dari jangkitan COVID-19?**

**Awda tidak perlu menjalani ujian swab selepas awda pulih dari jangkitan COVID-19 dan selesai menjalani pengasingan diri.**

## Membincangkan idealisme ilmuwan dalam bidang pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL) Malaysia mengadakan Ceramah Akademik sebagai usaha mengeratkan lagi hubungan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua buah universiti.

Ceramah Akademik anjuran bersama buat julung kalinya diadakan secara dalam talian,

disampaikan oleh Profesor Kehormat, UNISEL, Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd. Nor bin Haji R.M Manutty; manakala moderator ialah Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Awang Jaili.


Tajuk yang diketengahkan ialah 'Umat Masa Kini : Antara Pencapaian, Permasalahan dan Cabaran', yang antara lain bertujuan adalah untuk memugar idealisme pemikiran ilmuwan generasi muda dan generasi lama dalam bidang pendidikan.

Sebelum ceramah dimulakan,

perasmian bagi program tersebut dilancarkan oleh Yang Berbahagia Presiden dan Naib Canselor, UNISEL, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman.

Ceramah dihadiri oleh 205 orang peserta, terdiri daripada para mahasiswa UNISSA; UNISEL; dan Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Ahmad; dan para pegawai utama daripada ketiga-tiga buah universiti.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mengadakan Ceramah Akademik bertajuk 'Umat Masa Kini : Antara Pencapaian, Permasalahan dan Cabaran' yang turut disertai oleh Rektor UNISSA.

## Derma darah bantu selamatkan nyawa

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa stok bekalan darah, di Pusat Pendermaan Darah adalah di tahap yang rendah dan memerlukan semua jenis darah, terutama sekali kumpulan B Positif dengan segera.

Ramai pesakit, di kesemua hospital kerajaan, termasuk Pusat Pengasingan Kebangsaan yang memerlukan pemindahan darah sedang menunggu bekalan darah.

Oleh yang demikian, pihak kementerian menyeru kepada orang ramai untuk sama-sama membantu usaha Pusat Pendermaan Darah dalam meningkatkan bekalan stok di negara ini.

Dalam masa yang sama, Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan beroperasi semula, pada Rabu, 10 November 2021 dan pendermaan darah secara walk-in akan mula dibukakan kepada orang ramai, setiap Isnin hingga Khamis; dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

Sementara itu, perkhidmatan pendermaan darah, di Pusat Promosi Kesihatan masih lagi dibukakan kepada orang ramai hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pendermaan darah, di Pusat Promosi Kesihatan, dibuka setiap Isnin hingga Khamis; dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan 12.30 tengah hari hingga 1.30 petang.

Orang ramai bolehlah membuat tempahan slot pendermaan darah, di Pusat Promosi Kesihatan melalui aplikasi BloodKad atau datang terus ke Pusat Promosi Kesihatan secara walk-in, pada waktu yang disebutkan.

Para penderma darah juga boleh mengunjungi Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Belait; dan Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (HPIHM), Temburong untuk menderma darah, pada waktu-waktu seperti berikut.

Waktu beroperasi bagi Pendermaan Darah bagi Tabung Darah HSSB, Belait ialah pada Isnin hingga Khamis; dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 2.30 petang, manakala Pendermaan Darah bagi Tabung Darah HPIHM, Temburong, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian atau WhatsApp +673 7375745 atau e-mel ke [bloodbank@moh.gov.bn](mailto:bloodbank@moh.gov.bn) dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, @bloodbank.ripas.